

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATO SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]
TARIKH : 24 MEI 2016
SOALAN :

YB Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa pemilik senjata api yang berumur 60 tahun ke atas perlu membayar sebanyak RM100 kepada hospital Kerajaan untuk mengetahui tahap kesihatan pemilik senjata api, ini amat membebankan terutama orang kampung.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas, pengecualian caj adalah melibatkan caj pendaftaran Jabatan Pesakit Luar Am dan Jabatan Pesakit Luar Pakar, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta pengurangan caj pesakit kelas 3 sebanyak 50% dengan caj maksimum sebanyak RM250 bagi setiap kemasukan di hospital dan klinik KKM. Walau bagaimanapun, bagi pemeriksaan kesihatan yang meliputi pemeriksaan fizikal, x-ray dan Urine FEME, warga emas tetap dikenakan bayaran sebanyak RM100 kerana prosedur tersebut bukan merupakan rawatan asas yang wajib dilaksanakan dan ia adalah hanya rawatan perubatan tambahan bergantung kepada permintaan pesakit.